

UUM TANDATANGANI MoU DENGAN UNIVERSIDAD DE COLIMA, MEXICO

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 30 Januari 2011 18:05

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

30 JANUARI 2011/25 SAFAR 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nasiha Abdul Rashid

UUM Tandatangani MoU Dengan Universidad De Colima, Mexico

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menandatangani perjanjian sefahaman (MoU) dengan Universidad de Colima (UCOL), Mexico.

Turut hadir ke majlis ini ialah kesemua pegawai kanan UCOL dan tiga orang pelajar UUM yang mengikuti program pertukaran pelajar selama lima bulan di universiti berkenaan.

Perjanjian persefahaman ini ditandatangani oleh Prof Madya Dr Razli Che Razak, Pengarah Pusat Kerjasama dan Hubungan Antarabangsa (CIAC) mewakili UUM sebagai saksi perjanjian dan Presiden Universidad De Colima, MC. Miguel Angel Agoya Lopez di pejabat Presiden universiti itu.

Dr Razli dalam ucapannya menjelaskan bahawa Naib Canselor UUM, Profesor Dato' Dr Mohamed Mustafa Ishak dan pihak UUM amat berbesar hati dengan kerjasama yang terjalin di antara dua pihak.

"UUM sentiasa proaktif dalam menjalankan kerjasama antarabangsa di seluruh dunia dan ini adalah julung-julung kali UUM telah berjaya menempatkan diri di Mexico".

"Walaupun jarak di antara Colima, Mexico dan Sintok, Kedah agak jauh tapi hubungan dirasakan amat akrab apabila rombongan UCOL telah datang ke UUM pada bulan Januari tahun 2010".

"Kerjasama ini diharap berterusan bermula dengan program pertukaran pelajar bagi program pelancongan dan hospitaliti dan program pemasaran untuk fasa pertama, diikuti dengan program ijazah berkembar (dual degree) sebagai fasa kedua, dan diikuti dengan pertukaran staf akademik, penyelidikan bersama di antara pensyarah UUM dan UCOL serta sebarang bentuk kerjasama yang difikirkan perlu".